

[MAMELUKE POLITICAL HISTORY IN EGYPT DURING THE REIGN OF SULTAN AL-ZAHIR BARQUQ (1382-1399M)]

SEJARAH POLITIK MAMLUK DI MESIR PADA ZAMAN PEMERINTAHAN SULTAN AL-ZAHIR BARQUQ (1382-1399M)

*Napisah Karimah Ismail
napisah@ukm.edu.my*

*Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

Abstrak

Sultan al-Zahir Barquq merupakan salah seorang pemimpin Mamluk yang diba'ahkan menjadi Sultan pada tahun 784H/1382M dan 792H/1390M. Pelantikan beliau sebanyak dua kali jelas menunjukkan bahawa terdapat pemberontakan yang menyebabkan beliau digulingkan pada kali pertama. Namun, beliau kembali bangkit memperbaiki semula sistem pemerintahannya dengan pelbagai pendekatan dan usaha yang dilakukan bagi menstabilkan negara. Makalah ini bertujuan menganalisis sejarah politik Kerajaan Mamluk khususnya semasa pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq 1382-1399M. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mencerakinkan fakta daripada sumber primer dan sekunder. Beliau berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan sehingga selepas tujuh tahun pemerintahannya beliau tewas dalam perebutan kuasa yang berlaku. Namun, ketokohan beliau menyebabkan beliau dilantik semula menjadi sultan buat kali kedua. Sultan al-Zahir seorang pemerintah yang berkaliber, bijak dan segala usaha yang dilakukan oleh beliau menunjukkan bahawa beliau amat bertanggungjawab dalam memartabatkan kedudukan kerajaan Mamluk Burji sebagai salah sebuah kuasa pemerintah dalam menangani pergolakan politik yang berlaku di Mesir ketika itu. Usaha beliau mengadakan hubungan diplomatik, memperkemas pentadbiran ketenteraan, membina benteng pertahanan dan memajukan Mesir dalam aspek keilmuan telah membawa Mesir mencapai kegemilangan dalam pembinaan tamadun.

Kata kunci: *Mamluk; Mesir; Sultan al-Zahir Barquq; politik; pemerintahan*

Article Received:
6 December 2021

Article Reviewed:
10 December 2021

Article Published:
30 December 2022

PENGENALAN

Kerajaan Mamluk merupakan kerajaan pertama di Timur Tengah yang diteraju dan dipimpin oleh golongan hamba. Perkataan Mamluk itu sendiri menunjukkan bahawa golongan tersebut berasal daripada golongan hamba. Kewujudan golongan hamba di Timur Tengah bermula sejak sebelum zaman Rasulullah SAW lagi tetapi perkembangannya masih belum meluas seperti yang berlaku pada zaman pemerintahan Abbasiyah. Hasil daripada kemasukan hamba-hamba ini, maka muncul pelbagai bangsa yang mendiami wilayah Islam di Timur Tengah kerana golongan ini bukanlah terdiri daripada satu kelompok hamba sahaja.

Sejarah kemunculan golongan Mamluk bermula sejak pemerintahan Khalifah al-Ma'mun apabila Kerajaan 'Abbasiyyah menyangkal kebangkitan Kerajaan Tulun di Mesir yang menggugat kedudukan mereka di Baghdad. Mulai saat tersebut golongan Mamluk Turki banyak dibeli bagi memperkasakan Kerajaan 'Abbasiyyah (Yunus, 1911, hlm. 1171).

Kebanyakan sejarawan menggambarkan golongan Mamluk adalah hamba atau lebih khusus lagi adalah seseorang yang dibawa dari negara asal mereka ke sebuah negara lain. Kebajikan mereka dijaga dan dijauhkan daripada sebarang kesusahan serta keadaan yang membahayakan diri mereka ketika dalam perjalanan ke negara yang akan dituju. Tambahan pula golongan Mamluk ini saling bekerjasama antara satu sama lain seperti satu kumpulan sehingga mereka berasa selamat (Ibrahim, 1998, hlm. 9640). Menurut Salim (1995, 5, hlm. 13) menerusi kitab *'Asr Salatin Mamalik* berpendapat bahawa khidmat Mamluk yang awal telah digunakan dalam kerajaan awal Fatimiyah. Pada ketika itu disinonimkan atau disamakan sebagai Mamluk Turki yang berkhidmat dengan Bani 'Abbas di Baghdad.

Peranan yang dimainkan oleh golongan Mamluk ini adalah untuk mengekalkan kedudukan sultan sebagai pemerintah yang berkuasa mutlak. Walau bagaimanapun, terdapat fakta yang menyatakan bahawa Ahmad ibn Tulun adalah individu pertama yang menggunakan khidmat Mamluk dalam kerajaannya dan membawa mereka ke Mesir. Golongan Mamluk yang dibawa ke Mesir diberikan latihan ketenteraan. Fakta ini juga dikuatkan oleh Ibn Iyas, iaitu sejarawan Mesir dalam kitabnya *Bada'i' Zuhur wa Waqa' Duhur*, bahawa Ibn Tulun sebenarnya telah membeli ramai Mamluk dari Daylam sehinggakan bilangan mereka mencecah kepada 24 ribu orang. Seperti yang diketahui bahawa kesemua pemerintah Kerajaan Mamluk adalah terdiri daripada kalangan hamba yang terlatih dalam sistem ketenteraan. Mereka juga mempunyai kelebihan dalam sistem pentadbiran negara seperti Sultan al-Zahir Baybars al-Bunduqdari. Kebanyakan golongan hamba yang berkhidmat dalam pemerintahan di Mesir diperoleh dan didapati dengan cara pembelian daripada saudagar kaya ataupun tawanan perang. Golongan hamba ini dibeli dari pasar-pasar di sekitar Mesir dan Syria. Contohnya, al-Zahir Barquq telah dibeli dari pasar yang terdapat di Mesir oleh salah seorang pegawai Kerajaan Mamluk Bahri. Ini kerana pasar bukan sekadar tempat menjual barang-barang harian yang diperlukan, malah pasar juga merupakan tempat penjualan hamba-hamba.

LATAR BELAKANG MAMLUK

Sebelum pemerintahan Mamluk bermula di Mesir, Kerajaan Mesir diterajui oleh keturunan Bani Ayyub atau Kerajaan Ayyubiyah yang memerintah selama 117 tahun (Hamka, 1965, hlm. 111). Sultan terakhir Kerajaan Ayyubiyah, iaitu Sultan Salih Najm al-Din Ayyub meninggal dunia pada 646H/1249M ketika beliau sibuk menyiapkan pasukan tentera Mesir untuk memerangi tentera Salib yang sedang aktif melancarkan serangan ke atas wilayah-wilayah Islam. Tampuk pemerintahan Mesir beralih kepada Shajar al-Durr, balu kepada Sultan Malik al-Salih bagi meneruskan kelangsungan perjalanan pentadbiran negara dan juga bertujuan menyelamatkan Mesir daripada serangan tentera Salib yang dipimpin oleh Raja Louis IX. Pelantikan beliau tidak dipersetujui oleh Khalifah 'Abbasiyyah di Baghdad kerana bertentangan dengan prinsip kepimpinan Islam. Beliau mengambil keputusan untuk berkahwin dengan pemimpin Mamluk ketua tentera Mamluk iaitu al-Mu'iz al-Din Aybak al-Turkumani yang berjawatan Atabak 'Asakir pada ketika itu. Tindakan ini secara tidak langsung telah menjadikan al-Mu'iz al-Din Aybak sebagai Sultan Mamluk pertama yang memerintah Mesir pada 647H/ 1250M (Wan Kamal, 2010.)

Mamluk dari segi bahasa menurut *Lisan al-'Arab* ialah hamba atau hamba yang dimiliki, manakala kata jamaknya ialah *mamalik*. Dalam hal ini, terdapat beberapa perkataan Arab lain yang merujuk kepada maksud yang hampir sama pengertiannya dengan kalimah *mamluk* seperti *'abd*, *khadim* dan *ghulam* yang bermaksud hamba. Dalam *Lisan al-'Arab*, Mamluk merupakan hamba yang dimiliki oleh tuannya dan bukan dimiliki oleh ibu bapanya (Ibn Manzur, 1966, 12, hlm. 383). Stanley Lane-Poole (1969, hlm. 73) menambah bahawa perkataan Mamluk pada kebiasaannya merujuk kepada golongan hamba yang berkulit putih atau cerah. Golongan Mamluk ini terdiri daripada

kumpulan kanak-kanak yang telah dibeli dalam usia yang masih muda dan majoriti mereka terdiri daripada orang-orang Turki, Caucasus, Kurdi atau pelbagai bangsa lain yang bahasa pertuturan mereka tidak menggunakan bahasa Arab (Marsot, 1985, hlm. 27). Mamluk ialah golongan hamba yang berkulit cerah yang telah dibesarkan dalam kemewahan sebagai golongan yang memerintah di dalam lindungan kerajaan. Pada dasarnya, Mamluk ialah golongan yang dinaungi (Ibn Khaldun, 1993, hlm. 164). Sementara itu, menurut kesusasteraan dan sejarah Islam, pengertian Mamluk ialah sekumpulan hamba lelaki berkulit putih yang dijadikan hamba sahaya sama ada untuk berkhidmat dalam peperangan atau dijual beli dalam aktiviti perdagangan ('Abd Hamid, 1911, hlm. 1171).

Oleh yang demikian, Mamluk merupakan sebuah kerajaan yang didirikan oleh para hamba berkulit putih yang pada dasarnya dibawa untuk menguatkan lagi pertahanan sama ada dari aspek politik, sosial dan ekonomi kerajaan Islam etika itu. Akan tetapi jika diteliti etika Mamluk dalam pengertian sejarah sama ada dari sudut etika mahupun istilah, makna Mamluk itu sendiri tidak lari daripada maksud asalnya iaitu golongan hamba berkulit putih yang bertujuan untuk menguatkan kerajaan Islam etika itu.

Kerajaan Mamluk Burji

Golongan Mamluk yang memerintah Mesir selepas kejatuhan Kerajaan Ayyubiyah adalah terdiri daripada dua golongan iaitu Mamluk Bahri dan Mamluk Burji. Sultan al-Zahir Barquq merupakan pengasas Kerajaan Mamluk Burji yang memegang tampuk pemerintahan antara 784-801H/1382-1399M mengikut kesepakatan oleh para sejarawan. Mamluk Burji atau dikenali sebagai Circassian Mamluk ataupun Mamluk Jarakishah yang disamakan kepada kumpulan Mamluk yang kedua memerintah Mesir pada tahun 784H/1382M hinggalah 923H/1517M. Mereka ini wujud rentetan daripada keperluan dan idea yang diutarakan sendiri oleh Sultan Qawalun untuk merealisasikan satu kumpulan baru yang dapat membantunya menubuhkan sebuah kerajaan baru. Antara salah satu sebab yang dinamakan mereka sebagai Mamluk Burji kerana kawasan penempatan mereka terletak di menara kubu di Qal'ah Jabal (al-Marqizi, 1957, 2, hlm. 213). Sultan Qawalun memberikan tempat tinggal kepada golongan hamba ini di sekitar menara istana dan dari situlah Sultan Qawalun telah menamakan golongan ini dengan panggilan 'Mamluk Burji' yang diambil daripada perkataan '*abra*' yang bermaksud menara (al-Marqizi, 1957, 1, hlm. 756) Golongan hamba tersebut mendapat nama sebagai Mamluk Burji hanya selepas beberapa tahun mereka ditempatkan di menara istana tersebut ('Abd al-Sayyid, 1996, hlm. 12).

Sejarah kemunculan golongan Mamluk Burji dalam institusi pemerintahan Mamluk di Mesir bermula pada awal pemerintahan Sultan Qalawun sekitar tahun 681H/1281M. Golongan Mamluk Burji telah dibawa ke Mesir oleh Sultan Qawalun dan dibentuk menjadi satu pasukan tentera baru yang mempunyai susur galur keturunan dan kelompok hamba yang berbeza dari sebelumnya. Pembentukan pasukan tersebut selain digunakan untuk perluasan kuasa, ia juga bertujuan mengawal keselamatan Sultan Qawalun dan kaum keluarganya serta umat Islam daripada sebarang ancaman musuh (al-Marqizi, 1957, 2, hlm. 213). Pembentukan pasukan khas oleh Sultan Qawalun tersebut tercetus apabila kepercayaan beliau tergugat ekoran daripada peristiwa pemberontakan pada 681H/1281M yang dicetuskan oleh orang-orang Turki semasa pemerintahannya (Ibn Iyas, 1960, 1, hlm. 115).

Mamluk Burji terdiri daripada empat kumpulan iaitu Turki, Arkas, Kasa dan al-Asi. Kawasan persekitaran yang dikelilingi dengan gunung ganang menjadikan mereka lebih berani dan sangat mahir dalam berkuda. Namun kehidupan mereka mula tergugat berikutan serangan Mongol yang menjadikan mereka sebagai golongan hamba dan

sebahagiannya menjadi barang dagangan di pasar-pasar hamba (Ibn Taghribirdi, 1992, 11, hlm. 183).

Selain terkenal dengan faktor keberanian dan kehebatan berkuda yang dimiliki oleh golongan hamba tersebut, harga yang ditawarkan amatlah murah berbanding dengan hamba berketurunan Turki yang lain. Ini antara alasan yang digunakan oleh Sultan Qawalun untuk memilih dan memiliki golongan hamba tersebut seterusnya berhasrat untuk membentuk mereka menjadi satu pasukan tentera dalam pemerintahannya. Antara kelebihan yang tidak boleh dinafikan yang dinikmati oleh Mamluk Burji adalah perhatian yang khusus oleh Sultan Qawalun terhadap golongan Mamluk Burji dan sering mengutamakan kepentingan golongan tersebut. Malah kerana terlalu istimewa di mata Sultan Qawalun sehinggakan beliau mengasingkan golongan Mamluk Burji agar tidak bercampur dengan Mamluk Bahari (al-Marqizi, 1957, 2, hlm. 214).

Bermula dari 784H/1382M hingga 922H/1517M, pemerintahan Mamluk Burji diterajui oleh seramai 23 orang sultan dalam tempoh selama 134 tahun. Sultan al-Zahir Barquq merupakan pengasas kerajaan Mamluk Burji yang memerintah antara tahun 784-801H/1382-1399M. Daripada 23 orang pemerintah tersebut, sembilan orang sultan memerintah dalam tempoh 103 tahun manakala 14 orang sultan lagi hanya memerintah selama sembilan tahun sahaja (Wan Kamal, 2010). Dalam sistem pemerintahan Mamluk Burji, kumpulan *amir* dilihat paling dominan dan memainkan peranan penting dalam penggulingan dan pelantikan seseorang sultan. Sistem ini sama seperti yang diamalkan dalam pemerintahan Mamluk Bahri sebelumnya, dimana mereka yang kuat dan berpengaruh sahaja yang boleh memerintah negara. Namun demikian, terdapat juga berbezaan jika dibandingkan dengan pemerintahan Mamluk Bahri, dimana ia lebih berbentuk monarki dan mendapat sokongan para pembesar. Sementara pemerintahan Mamluk Burji pula lebih bergantung kepada kekuasaan dan kekuatan yang dimiliki oleh pemerintah berkenaan (Spuler, 1969, 2, hlm. 77).

SULTAN AL-ZAHIR BARQUQ SEBELUM MENJADI SULTAN

Nama sebenar al-Zahir Barquq ialah Abu Sa'id Sayf al-Din Barquq ibn Anas al-lyhman al-Yalbughawi al-Jarkasi. Namun, al-Maqrizi (w.845H/1443M) mengatakan nama sebenar Barquq ialah al-Tunbunga, kemudian ditukar menjadi Yalbugha. Mengikut pendapat Ibn Taghribirdi, nama Barquq pada asalnya ialah 'Mali Juq' dan menurut istilah Jarkasi bererti 'kejayaan'. Manakala perkataan 'Juq' pula telah ditukar kepada nama 'Barquq' untuk memudahkan dari segi sebutan. Selain itu, para pembesar pada zaman pemerintahan al-Zahir Barquq menyatakan bahawa nama 'Barquq' adalah sama dengan perkataan Yalbugha iaitu nama yang sering digunakan oleh bangsa Mongol yang tidak diketahui maknanya. Selain itu, al-Sakhawi (w.902/1500M) pula menyatakan bahawa nama Barquq ditukar selepas dipanggil al-Tunbunga disebabkan bengkak pada kedua-dua matanya (al-Sakhawi, 1354H, 3, hlm. 11).

al-Zahir Barquq dilahirkan pada tahun yang sama dengan kemangkatan Sultan Nasir Muhammad bin Qalawun iaitu pada 741H/1340M (al-Maqrizi 1957, 3: 406). Beliau berasal dari suku Kasa Jarkasi yang mendiami salah satu kawasan di wilayah Dariyal, iaitu di kawasan sekitar sungai yang mengalir ke Laut Hitam dan Azraq. al-Zahir Barquq dibawa ke Mesir kerana dibeli oleh saudagar yang bernama 'Uthman ibn Musafir. Apabila tiba di Mesir, beliau dibeli pula oleh al-Atabek Yalbugha al-'Umari al-Khassiki al-Nasiri pada 764H/1363M (Ibn Taghribirdi, 1992, 11, hlm. 183).

Setelah Yalbugha al-'Umari mendapati kemahiran dan kepintaran yang dimiliki oleh al-Zahir Barquq, beliau telah menyerahkannya kepada seorang guru untuk diajarkan ilmu-ilmu agama seperti fikah, hadis dan tafsir serta ilmu seni berperang dan menunggang kuda (al-'Asqalani, 1968, 1, hlm. 475). Beliau berkhidmat di bawah pemerintahan Sultan al-Ashraf Sha'ban sehingga satu peristiwa pemberontakan berlaku

yang menyebabkan Yalbugha al-'Umari terbunuh pada 768H/1366M. Ramai daripada pegawai kerajaan telah ditahan termasuklah al-Zahir Barquq.

'Abd al-Sayyid (1966, hlm. 41) menyatakan satu pemberontakan untuk mengguling Sultan al-Ashraf Sya'ban telah berlaku pada 778H/1376M. Pemberontakan tersebut dipimpin sebahagian daripada pemimpin tentera yang berketurunan Turki. Antaranya ialah Tashtamur al-Latif, Qartay al-Tazi, Aynabak al-Badari dan Qatluqtumar al-'Ala'i ('Abd al-Sayyid, 1966: 41). Pemberontakan tersebut berakhir dengan pembunuhan Sultan al-Ashraf Sya'ban (Ibn Taghribirdi, 1992, 11, hlm. 183).

Setelah berjaya mematahkan beberapa siri pemberontakan yang menggugat keamanan negara, al-Zahir Barquq akhirnya berjaya meletakkan diri beliau ke satu tahap yang paling tinggi dan dapat menguasai hampir seluruh negeri ('Abd al-Sayyid, 1966, hlm. 54). Di samping itu, beliau telah membuat rancangan untuk memindahkan kerajaan Mamluk Bahri ke Mamluk Burji. Oleh yang demikian, untuk menjayakan rancangannya al-Zahir Barquq berusaha mencari sumber kewangan untuk membawa orang-orang Mamluk Burji termasuklah kedua orang tuanya dan keluarganya ke Mesir ('Abd al-Sayyid, 1966, hlm. 54). Di samping itu, beliau meneruskan rancangannya dengan mengeluarkan segelintir golongan Mamluk Burji yang ditahan oleh pemimpin kerajaan Turki ke bawah naungan kerajaan Mamluk Bahri. Segala perancangannya disusun begitu kemas dan tersusun. Rentetan daripada peristiwa tersebut, akhirnya al-Zahir Barquq telah dilantik sebagai pemerintah baru menerajui kerajaan Mamluk Bahri di Mesir (al-Maqrizi, 1957, 3, hlm. 477).

Pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq

Sultan al-Zahir Barquq memerintah Kerajaan Mamluk sebanyak 2 kali. Pemerintahan kali pertama pada 784-791H/1382-1389M iaitu dalam tempoh tujuh tahun sebelum penggulingan Sultan al-Zahir Barquq daripada takhta kerajaan dan pemerintahan kali kedua pada 792-801H/1390-1399M. Menurut Ibn Taghribirdi (1992, 11, hlm. 181), majlis pertabalan al-Zahir Barquq telah dilakukan pada waktu zuhur, pada hari Rabu, 19 Ramadan 784H/1382M. Sultan al-Zahir Barquq merupakan sultan Mamluk ke-25 dan merupakan sultan pertama daripada kalangan Mamluk Burji yang memerintah kerajaan Mamluk di Mesir.

Pada awal pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq, beliau perlu menghadapi masalah pemberontakan yang dicetuskan oleh beberapa kumpulan Mamluk yang tidak berpuas hati terhadapnya. Namun begitu, Sultan al-Zahir Barquq dapat menyelesaikan masalah tersebut dan seterusnya dapat meredakan keadaan politik dalaman Mesir dan Sham. Bagi memantapkan lagi pemerintahan beliau, sistem pentadbiran yang melibatkan ketenteraan telah diperkemas dan disusun dengan baik. Kemaraan Mongol di bawah pimpinan Timur Lank yang berusaha menguasai Sham dapat dibendung oleh beliau dengan membina dan memperbaiki kubu-kubu pertahanan di kawasan yang strategik termasuklah membina menara-menara tinggi serta menambahkan bilangan tentera. Tempoh pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq yang lama iaitu selama 16 tahun, telah menyaksikan pelbagai usaha beliau dalam menstabil dan memantapkan kekuasaannya. Beliau juga menjalinkan hubungan politik khususnya dengan kuasa-kuasa barat dan berusaha menguasai Pulau Cyprus yang merupakan salah satu pusat perdagangan Eropah di Mediterranean dan juga pengkalan lanun-lanun Eropah (Spuler, 1969, 2, hlm 78).

Pada awal pemerintahan beliau juga, beliau mengambil sikap tidak mahu menonjolkan rasa fanatik terhadap golongan Mamluk Burji walaupun beliau menyedari bahawa sokongan golongan tersebut telah membantu beliau untuk menaiki takhta kerajaan. Tambahan pula, golongan Mamluk Burji ketika itu merupakan golongan minoriti. Hal ini telah menunjukkan bahawa beliau ingin bersikap adil seperti yang telah

diamanahkan oleh Khalifah al-Mutawakkil dalam melantik para pemimpin atau *amir* untuk berkhidmat dalam kerajaan dan memberi layanan sama rata kepada semua golongan. Sultan al-Zahir juga tidak membeza-bezakan antara golongan Mamluk Burji dengan golongan Mamluk Bahri. Hal ini dapat dilihat ketika beliau melantik Sudun al-Fakhri al-Shaykhuni daripada Mamluk Bahri sebagai Naib al-Sultan dan pada masa yang sama, Amir Jarkis al-Khalili daripada Mamluk Burji dilantik sebagai Amir Akhur al-Kabir. Beliau juga melantik Yalbugha al-Nasiri sebagai Naib Halab (Ibn Taghribirdi, 1992, 11, hlm. 186-189). Walau bagaimanapun, Sultan al-Zahir tetap memiliki kuasa mutlak terhadap pentadbiran negara dan tidak memberikan kebebasan yang penuh kepada golongan *amir*. Menurut 'Abd al-Sayyid (1966, hlm. 60), golongan menteri kerajaan yang ditetapkan oleh Sultan al-Zahir Barquq juga perlu berbincang dengan pemerintah dan mendapat persetujuan beliau dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

Sepanjang pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq, beliau menghadapi beberapa siri pemberontakan yang dilakukan oleh golongan Mamluk Bahri pada awal pemerintahannya. Hal ini turut didalangi oleh segelintir pembesar Kerajaan Mamluk Bahri yang tidak puas hati dengan pemerintahannya, antaranya ialah Amir Yalbugha al-Nasiri dan Amir Tamarbugha al-Ashrafi (Glubb 1973, hlm. 258). Malah, beberapa kumpulan kecil daripada golongan Mamluk Burji seperti keturunan Turki dan Kurdi turut melakukan pemberontakan untuk mengguling Sultan al-Zahir Barquq. Walau bagaimanapun percubaan-percubaan golongan tersebut tidak berjaya dilakukan (Garcin, 1998, hlm. 291). Punca timbulnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan pembesar tersebut adalah kerana mereka tidak dapat menerima pentadbiran Sultan al-Zahir Barquq yang menjalankan polisi politik yang agak keras dan sering menjatuhkan hukuman yang kejam tanpa siasatan rapi. Implikasinya, segelintir daripada pembesar kerajaan sering bertindak ganas dan melakukan kekejaman terhadap rakyat. Hal ini dapat menimbulkan fitnah dan huru hara dalam pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq (Ibn Taghribirdi, 1992, 11, hlm. 210).

Salah seorang pembesar kerajaan yang cuba melakukan pemberontakan ialah Khalifah al-Mutawakkil yang dari awalnya, baginda tidak sepenuhnya menyokong pelantikan Sultan al-Zahir Barquq. Namun begitu, beliau tetap memberikan bai'ah kepada Sultan al-Zahir Barquq kerana telah menjadi satu amalan kepada para khalifah untuk bersikap liberal atau bebas dalam menerima atau menolak mana-mana pemerintah yang dilantik. Hal ini menyebabkan, Khalifah al-Mutawakkil menyusun strategi untuk menggulingkan Sultan al-Zahir Barquq bersama segelintir pembesar kerajaan yang lain (Hassan, 1954, hlm. 233). Sultan al-Zahir Barquq telah mengambil tindakan melucutkan jawatan khalifah daripada Khalifah al-Mutawakkil pada 785H/1383M setelah melakukan perbincangan dengan pembesar kerajaan atas tindakan Khalifah al-Mutawakkil yang menyebarkan berita mengenai ketidakadilan dalam pentadbiran Sultan al-Zahir Barquq. Justeru itu, Khalifah al-Mutawakkil dipenjarakan di Qal'ah al-Jabal dan jawatannya telah diganti dengan Muhammad bin al-Wathiq Billah Ibrahim sebagai khalifah yang baru dengan gelarannya Khalifah al-Wathiq (785-788H/1383-1386) (Hassan, 1954). Setelah Khalifah al-Wathiq meninggal dunia, jawatan tersebut dikembalikan kepada Khalifah al-Mutawakkil setelah beliau keluar daripada tahanan sehinggalah beliau meninggal dunia pada 808H/1408M.

Menurut Ibn Hajar (w.852H/1450M), Sultan al-Zahir Barquq membuat peraturan di mana beliau akan mengawal keseluruhan kegiatan pembesar kerajaan sama ada puak al-Ashraf al-Turki mahupun Yalbugha al-Turki. Beliau juga bersikap keras dengan mengenakan hukuman bunuh atau buang negeri bagi mereka yang memberontak. Selain itu, Sultan al-Zahir Barquq juga membuat satu lagi peraturan iaitu para pemimpin daripada kalangan Mamluk Bahri tidak dibenarkan memasuki istana kecuali dengan kawalan seorang pembesar kerajaan, manakala pengikutnya perlu menunggu di luar istana (al-Asqalani, 1968, 1, hlm. 223). Hal ini berikutan kebimbangan Sultan al-Zahir Barquq sekiranya beliau digulingkan atau dibunuh. Malah, suasana politik pada Ketika itu

juga tidak stabil kerana pemberontakan yang sering berlaku dan mengganggu ketenteraman negara.

Sultan al-Zahir Barquq juga terpaksa menghadapi serangan musuh dari luar iaitu kuasa Mongol di bawah kepimpinan Timur Lank. Kuasa Mongol mula menyerang dan menawan Tabriz, iaitu sebuah kawasan naungan kerajaan Mamluk pada 788H/1386M. Seterusnya menyerang kawasan selatan Iraq, Asia kecil dan Malatya iaitu kawasan sempadan antara kuasa Kerajaan Mamluk dan Dawlah 'Uthmaniyyah pada 789H/1387M (Wiet, 1979, 1, hlm. 1051).

Dapat disimpulkan bahawa, pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq pada kali pertama banyak berdepan dengan pemberontakan, penentangan dan permasalahan sama ada politik dalaman mahupun luaran menjadi asbab kepada penggulingan Sultan al Zahir Barquq untuk kali pertama. Selain itu, kemunculan kuasa politik luar juga menambahkan lagi kekusutan dan kebimbangan dalam pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq. Implikasi daripada kekerapan berlakunya pemberontakan ini telah membawa padah kepada kejatuhan pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq dan beliau sendiri telah dipenjarakan.

Pemberontakan yang sering sekali berlaku ini sebenarnya telah menjejaskan kredibiliti Sultan al Zahir sebagai pemerintah. Akhirnya sebahagian daripada rakyatnya sendiri terpaksa turut serta dalam pemberontakan untuk menggulingkan pemerintahan Sultan Zahir Barquq terutamanya daripada kalangan Mamluk Bahri. Antara faktor meletusnya pemberontakan tersebut adalah kerana mereka tidak dapat menerima pemerintahan yang diterajui oleh keturunan Mamluk Burji sedangkan kerajaan adalah kepunyaan Mamluk Bahri. Ada juga yang didorong oleh perasaan tidak puas hati dengan pemerintahan Sultan al Zahir Barquq yang agak keras dalam melakukan polisi pentadbirannya. Selain itu, perasaan dendam terhadap Sultan al-Zahir Barquq wujud atas beberapa tindakan beliau sebelum menjadi sultan dan berterusan ketika beliau menjadi sultan (Ibn Taghribirdi, 1992,11, hlm. 189). Penggulingan Sultan al-Zahir Barquq akhirnya mengembalikan takhta kerajaan kepada keturunan Qalawun.

Pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq Kali Kedua

Setelah kejatuhan beliau dengan berlakunya perebutan kuasa oleh Sultan al-Salih Haji ibn Sya'ban, Sultan al-Zahir Barquq kembali bangkit memerintah untuk kali yang kedua setelah beliau dibebaskan daripada tahanan pada 9 Ramadhan 791H/1389M (Khairiah, 2004). Pemerintahan kali kedua ini berlangsung selama lebih kurang sepuluh tahun iaitu bermula pada tahun 792-801H/1390-1399M. Sepanjang pemerintahannya, beliau banyak berhadapan dengan pelbagai cabaran dan permasalahan seperti pemberontakan dengan pembesar kerajaan iaitu Yalbugha al-Nasiri dan Mintash yang terdiri daripada golongan Mamluk Bahri. Namun pemberontakan tersebut dapat ditangani dan beliau dapat menjalankan pemerintahannya dengan baik. Selain itu, orang-orang Arab daripada kalangan petani dan Arab Badwi juga menuntut untuk membatalkan pembayaran cukai ke atas mereka dan turut berhadapan dengan cabaran kemunculan kuasa luar yang tertarik untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan kepentingan yang tersendiri seperti Dawlah 'Uthmaniyah, kuasa Mongol dan Eropah. Hubungan baik dengan Dawlah Uthmaniyah berlangsung ketika pemerintahan Sultan Bayazid I di mana Sultan al-Zahir Barquq memohon kerjasama baginda dalam memastikan keselamatan dan membebaskan para pedagang Islam yang ditahan di Kafa pada tahun 1391. Sultan Bayazid berbesar hati membantu dan bersedia menjalin hubungan yang baik dengan kerajaan Mamluk. Selain itu, Sultan Bayazid I juga memohon agar beliau diberi pengiktirafan sebagai 'Sultan Rom' daripada Khalifah al-Mutawakkil di Mesir dan Sultan Barquq menghantar surat pengiktirafan yang ditandatangani Khalifah al-Mutawakkil kepada Sultan Bayazid I pada tahun 1392 (Zelenev & Iliushina, 2016, hlm. 184).

Kejayaan Sultan al-Zahir Barquq dalam menegakkan kedudukan golongan Mamluk Burji adalah melalui strategi beliau yang mengutamakan golongan tersebut dalam sistem pentadbiran. Rancangan beliau disedari oleh Yalbugha al-Nasiri setelah berlakunya penangkapan golongan Turki al-Ashrafiyah yang berada di bawah kekuasaan Mintash yang jelasnya ia bertujuan mengeneipkan golongan Mamluk Bahri. Namun demikian, belum sempat Yalbugha al-Nasiri mengatur strategi kesepakatan dengan Mintash untuk menjatuhkan Sultan al-Zahir Barquq, beliau sudah ditangkap. Pembesar Mintash pula turut ditangkap di Halab dan dihukum bunuh setelah hampir tiga tahun diburu pada tahun 795H/1395M (Hassan, 1954).

Selain itu, Sultan al-Zahir Barquq turut menyelesaikan konflik desakan golongan Arab Badwi yang memberontak dan mendesak agar membatalkan cukai tanah (*kharaj*) yang sudah lama dikenakan ke atas rakyat sejak pemerintahan Mamluk Bahri. Mereka berpandangan bahawa penglibatan golongan Arab Badwi dalam berkhidmat mengawal keamanan negara selama 130 tahun lalu sudah memadai untuk mereka dikecualikan daripada membayar cukai tersebut dengan alasan mereka sudah lama berkhidmat untuk kerajaan Mamluk (al-'Asqalani, 1968).

Sultan al-Zahir Barquq juga turut berdepan dengan cabaran kemunculan kuasa politik luaran seperti Dawlah 'Uthmaniyyah yang menunjukkan minat untuk mengadakan hubungan diplomatik. Walau bagaimanapun, hubungan tersebut bersifat lebih sederhana dan langkah berjaga-jaga dengan harapan kuasa Mongol di bawah kekuasaan Timur Lank lebih berminat ke atas Dawlah 'Uthmaniyyah. Tindakan Sultan al-Zahir Barquq tidak melibatkan diri dalam kancah politik merupakan suatu tindakan yang baik untuk mengelakkan Mesir jatuh ke dalam tangan Timur Lank sekali gus menyelamatkan Mesir daripada ditakluki oleh kuasa Mongol (Hassan, 1954).

Pada tahun 801H/1399M, merupakan tahun terakhir pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq kerana beliau diserang jangkitan dalam usus. Namun, sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir beliau sempat melantik anaknya Nasir Faraj yang masih kecil pada ketika itu untuk menggantikan tempatnya sebagai pemerintah kerajaan Mamluk Burji yang kedua (Khairiah, 2004)

SUMBANGAN DAN KETOKOHAN SULTAN AL-ZAHIR BARQUQ

Sejak tahun 784H/1382M Sultan al-Zahir Barquq diba'ahkan menjadi Sultan, beliau menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan sehingga beliau tewas dengan perebutan kuasa yang berlaku selepas tujuh tahun pemerintahannya (al-Maghluth, 2013). Namun, beliau kembali bangkit memperbaiki semula sistem pemerintahannya dengan pelbagai pendekatan dan usaha yang dilakukan. Sultan al-Zahir Barquq berjaya menghadapi dan menyelesaikan pelbagai permasalahan malah mampu mewujudkan keamanan dan keyakinan rakyat terhadap sistem pemerintahannya di Mesir dan Syria. Permasalahan yang dihadapi memerlukan kebijaksanaan dalam mengatur strategi untuk mempertahankan wilayah di bawah kekuasaannya.

Pemerintahan Kerajaan Mamluk dianggap mempunyai keistimewaan tersendiri kerana ia merupakan kerajaan pertama di Timur Tengah yang sultannya berasal daripada bekas hamba yang dibeli untuk berkhidmat dalam ketenteraan. Pada dasarnya tidak ada daripada kalangan mereka sama ada sultannya mahupun para amir dan pentadbir tertinggi daripada pribumi Mesir atau Syria (Syamzan & Mastanning, 2018).

Sistem pentadbiran yang melibatkan ketenteraan juga diperkemas dan disusun dalam usaha memantapkan pemerintahan beliau. Kemaraan Mongol di bawah pimpinan Timur Lank yang berusaha menguasai Sham menyebabkan Sultan al-Zahir Barquq telah memperbaiki serta membina kubu-kubu pertahanan dan menara-menara tinggi di kawasan-kawasan yang strategik dan termasuklah menambah bilangan anggota tentera

sebagai benteng pertahanan dan persediaan dalam menghadapi serangan (Wan Kamal, 2010).

Zaman pemerintahan Kerajaan Mamluk Burji juga terkenal dengan sultannya iaitu Sultan al-Zahir Barquq yang sangat berminat mengembangkan bidang ilmu pengetahuan dalam kalangan rakyatnya dengan mengambil inisiatif menyediakan kemudahan pendidikan dan perpustakaan (Khairiah, 2004). Sultan al-Zahir Barquq amat menitikberatkan kebajikan masyarakat seperti menyediakan prasarana pendidikan melalui pembinaan beberapa buah madrasah dan masjid. Antara madrasah terkenal yang diasaskan oleh beliau ialah Madrasah Zahiriyyah (Wan Kamal, 2010).

Prasarana pendidikan yang dibina telah menarik ramai ilmuan ke Mesir. Mesir pada hakikatnya merupakan salah satu destinasi pelarian dalam kalangan para ilmuwan dari Baghdad yang menyelamatkan diri dari serangan Mongol dan juga tempat berkumpulnya para ilmuwan yang datang dari Timur dan Barat. Keadaan ini menyebabkan ilmu pengetahuan berkembang di Mesir dengan tercatatnya nama-nama ilmuwan seperti Ibn Khaldun, Ibn Khalikan, al-Maqrizi, al-Qalqashandi dan ramai lagi. Dalam bidang astronomi munculnya Nasir al-Dhin dan al-Tasi, bidang matematik, Abu al-Faraj al-Ibri, bidang kedokteran, Abu al-Hasan Ali al-Nafis yang merupakan penemu susunan dan peredaran darah dalam paru-paru manusia dan bidang psikologi, al-Razi. Sementara dalam bidang keagamaan pula, muncul ulama yang dikenali sebagai Ibnu Taimiyah seorang pemikir Islam, al-Sayuti yang menguasai ilmu agama dan Ibn al-Hajar 'Asqalani, ahli dalam ilmu hadis serta Ibn Khaldun dengan tulisan agungnya *al-Muqaddimah* (Syamzan & Mastanning, 2018). Kemunculan ramai ilmuan ini menunjukkan Mesir dibangunkan dengan begitu baik sekali sehingga mencapai tahap kegemilangannya.

KESIMPULAN

Segala usaha yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa beliau amat bertanggungjawab dalam memartabatkan kedudukan Kerajaan Mamluk Burji sebagai salah sebuah kuasa pemerintah dalam menangani pergolakan politik yang berlaku di Mesir ketika itu. Kesungguhan dan ketokohan beliau dalam pentadbiran negara jelas diperlihatkan dengan sebanyak dua kali pelantikannya sebagai Sultan Mamluk. Sumbangan beliau dalam mententeramkan negara Mesir dan melakukan pembaharuan dalam pentadbiran dan ketenteraan telah mewujudkan kestabilan negara serta mampu memacu kecemerlangan. Peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Mamluk dalam menyekat kemaraan tentera Mongol dan menghalau keluar tentera Salib pada awal pemerintahan mereka telah mengukuhkan kedudukan sebagai sebuah kerajaan Islam selepas kejatuhan kota Baghdad. Kejayaan cemerlang yang dicapai oleh Mamluk telah memberi impak yang sangat signifikan kerana kejayaan tersebut menyedarkan dunia tentang kekuatan dan kekuasaan politik yang dimiliki oleh kerajaan Islam ketika itu.

RUJUKAN

- 'Abd al-Sayyid, Hakim Amin (1996). *Qiyam Dawlah al-Mamalik al-Thaniyah*. al-Qahirah: Dar al-Qawmiyah li Tiba'at wa al-Nashr.
- al-'Asqalani, al-Hafiz Ahmad ibn Hajar (1968). *Inba' al-Ghummar bi Anba' al-'Umar*. Jil. 8 al-Qahirah: t.pt.
- Garcin, J. (1998). The regime of the Circassian Mamluks. Dlm. C. F. Petry (pnyt.). *The Cambridge History of Egypt*, hlm. 290-317. Michigan: Kettering University.
- Glubb, J. B. 1973. *Soldiers of Fortune*. London: Hodder And Stoughton.
- Hamka (1965). *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

- Hasan, Ali Ibrahim (1954). *Misr fi al-'Usur al-Wusta min al-Fath al-'Arabi ila al-Fath al-'Uthmani*. Cairo: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Ibn Khaldun (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram al-Ansari (1996). *Lisan al-'Arab*. Jil. 20. t.tp: al-Dar al-Misriyah li Ta'lif wa al-Tarjimah.
- Ibn Iyas, Muhammad ibn Ahmad (1960). *Bada'i' al-Zuhur fi Waqa'i' al-Duhur*. Jil. 4. al-Qahirah: t.pt.
- Ibn Taghribirdi (1992). *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*. Jil. 18. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim, Maqam (1998). *Majaz Da'irah al-Ma'rif al-Islamiyah*. al-Qahirah: Markaz al Syariqah li al-abda al-Fikri.
- Khairiah Ab Rahman (2004). Kerajaan Mamluk Burji: Satu analisis sejarah terhadap aspek politik, sosial dan ekonomi pada zaman Sultan al-Zahir Barquq (784-801H/382-139M). Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lane-Poole, S. (1969). *The Muhammadan Dynasties*. Karachi: Pak Publishers Limited.
- Yunus, 'Abd al-Hamid (1911). *Tarikh wa Athar Misr al-Islamiyah*. Misr: al-Hay'ah al-Ammah li al Istiqamat.
- al-Maqrizi, Ahmad b. Ali (1957). *Kitab al-Suluk li Ma'rifat Duwal al-Muluk*. Jil. 1-3. Suntgn. Muhammad Mustafa Ziyadah. Kaherah: Matbaat Lujnat al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- Marsot, A.L. (1985). *A Short History of Modern Egypt*. New York: Cambridge University Press.
- al-Maghluth, Sami Ibn Abdullah Ibn Ahmad (2013). *Atlas Tarikh al-'Asr al-Mamluki*. al-Riyad: al-'Ulya Maktabah al-Obekan.
- al-Sakhawi, Shams al-Din Muhammad b. Abd al-Rahman. 1354H. *al-Daw' al-Lami' li Ahl al-Qarn al-Tasi'*. Jil. 4 & 10. Cairo: Maktabat al-Quds.
- Salim, Mahmud Rizq (1955) *'Asr Salatin al-Mamalik*. Jil. 5. t.tp: Maktabah al-Adab wa Matatiha Jamamizat.
- Spuler, Bertold (1969) *The Muslim World: A Historical Survey*. Jil. 2. Brill Archive.
- Syamzan & Mastanning (2018). Peran Dinasti Mamluk Dalam Membendung Ekspansi Bangsa Mongol Ke Dunia Islam. *Jurnal Rihlah*. 6(1), 33-45.
- Wan Kamal Mujani (2010). Sejarah politik Mamluk (648-992H/1250-1517M): Suatu pengamatan berdasarkan sumber primer dan sekunder. *International Journal of West Asian Studies*. 2(2), 17-45.
- Wiet, G. 1979. Barkuk. *The Encyclopaedia of Islam*, Jil. 1, hlm. 1050-1051. Leiden: E.J. Brill.
- Zelenev, E. I & Iliushina, M. (2016). The "Fitna" Concept within the Context of the Sultan Barquq (1382 – 1399) and the Karamanids Relations. *Iran and the Caucasus*. 20, 179-190.